

BAB 3

AYAT PENAFIANDALAM BAHASA ARAB

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membicarakan struktur ayat *al-manfiyyat* (ayat yang dinafikan). Perbincangan mengenainya juga tidak kurang pentingnya dari sudut bahasa. Ini kerana huruf nafi dan *al-manfiyyat* saling berkait rapat antara satu sama lain. Jika sesuatu ayat tidak disertai dengan huruf nafi maka ayat itu tidak dinamakan ayat *al-manfiyyat*. Penggunaan sesuatu huruf nafi yang sesuai perlulah melihat kepada *al-manfiyyat* selain dari maksud yang hendak disampaikan.

Dalam bab ini juga akan dibincangkan gaya bahasa penafian yang terdapat dalam bahasa Arab. Terdapat berbagai-bagai gaya bahasa penafian dengan tujuan atau Subjektif yang tertentu dari segi maksud dan bentuk penyampaianya. Penggunaan huruf nafi ini juga telah menyerlahkan unsur-unsur kesenian yang indah yang terdapat dalam bahasa Arab. Antara uslub-uslub kesenian dari ayat *al-manfiyyat* ini :

1. *Al-Qaṣr* (القَصْرُ)
2. *Al-Ṭibāq* (الطَّبَاقُ)
3. *Al-tawki:d* (التَّوَكِيدُ)
4. 'Atf *al-Nasq* (عَطْفُ النَّسْقِ) kepada لَّا النَّافِيَّةِ

Selain dari itu, turut dibincangkan juga perihal penggunaan huruf nafi seperti :

1. *Al-taqdi:m wa al-ta'khi:r* (التَّقْدِيمُ وَالتَّأْخِيرُ) huruf nafi
2. *Ḥamzat istifha:miyat* (هَمْزَةُ اسْتِفْهَامِيَّةٍ) mendepani huruf nafi

3. Ragam penggunaan (لَا النَّافِيَةَ) dalam ayat .

Juga turut dibincangkan ialah penggunaan huruf nafi bukan dengan maksud nafi. Penggunaan لَا - أَلَا - هَلَا - لَوْمَا - لَوْلَا dalam ayat akan dilihat dari kesan maknanya.

Kesemua jenis ayat *al-manfiyyat*, uslub seni dan juga perihal huruf nafi yang telah disebutkan akan dibincangkan secara mendalam dari sudut sintaksis serta tidak dapat lari dari menyentuh sedikit tentang semantik. Kedua-dua bidang saling berkaitan antara satu sama lain. Namun penekanan hanya akan ditumpukan kepada bidang sintaksis.

3.2 DEFINISI AYAT *AL-MANFIYYAT*

Ayat *al-manfiyyat* ialah ayat yang disertakan dengan salah satu daripada huruf-huruf yang menunjukkan penafian predikat kepada Subjek, walaupun kandungan ayat boleh diolah menjadi ayat positif.¹

Contoh : لَا وَجُودَ لِطَائِرِ الْعَنْقَاءِ (Tiada kewujudan bagi burung garuda)
لَا يَعْلَمُ الْكُفَّارُ أَنَّهُمْ إِلَى النَّارِ صَائِرُونَ (Orang-orang kafir tidak mengetahui bahawa mereka pulang ke neraka)

Kedua-dua ayat tadi adalah ayat nafi, serta boleh diolahkan kandungan ayat menjadi ayat positif.

Contoh : الْعَنْقَاءُ طَائِرٌ مَعْدُومٌ (Burung garuda burung yang tiada)
الْكُفَّارُ يَجْهَلُونَ أَنَّهُمْ إِلَى النَّارِ صَائِرُونَ (Orang-orang kafir jahil bahawa mereka pulang ke neraka)


¹ Al-Bala:ghaṭ Al-‘Arabiyat : Ususuha: Wa ‘Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 202

Ibnu Ya'isy mengatakan bahawa penafian itu berlaku kepada ayat positif kerana ia mendustakannya maka wajarlah ia serupa pada lafaznya, tiada perbezaan antara keduanya¹ melainkan salah satunya ayat nafi dan yang kedua ayat positif.²

Tinjauan berkaitan jenis-jenis ayat *al-manfiyyat* akan dilakukan dalam bentuk penjadualan agar ia lebih menampakkan dan menjelaskan pola perubahan terhadap perkataan dan struktur ayat dari segi pengfleksian dan pengkasusan. Peranan fleksi dan kasus dalam bahasa Arab adalah sangat penting, selain dari berperanan sebagai petunjuk makna ia juga merupakan suatu kelebihan dan keistimewaan yang tidak terdapat dalam mana-mana bahasa lain di dunia.

3.3 JENIS-JENIS *AL-MANFIYYAT*

Al-Manfiyyat terkandung di dalam dua jenis ayat nominal dan verbal. Ia terdiri dari Subjek dan predikat dari jenis ayat nominal dan kata kerja kala lampau dan kata kerja kala lepas dari jenis ayat verbal. Berikut ialah gambarajah *al-manfiyyat* dalam jenis-jenis ayat serta cabangnya yang akan dibincangkan dalam bab ini:



Gambarajah 2

¹ Menggunakan lafaz dan ayat yang sama cuma bezanya salah satu ayat itu disertakan dengan partikel nafi.
² Syarh Al-Mufasssol Li Ibni Ya'isy hlm 107

3.3.1 *Al-Manfiyyat* dalam ayat nominal (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ الْمُنْفِيَّةُ) (lihat gambarajah 2)

Ayat nominal yang mudah dan lengkap terdiri dari satu subjek dan satu predikat. Sebelum ia dimasukkan dengan huruf nafi, ayat ini dikenali sebagai ayat *al-muthbatat* (tanpa penafian). Pemreposisian huruf nafi kepada ayat nominal pula, telah menafikan serta menyangkal makna *ithbat* (tanpa penafian) kepada makna *nafi* (penafian)

Contoh ayat *muthbitat*: الْمِصْبَاحُ مَكْسُورٌ (Lampu itu pecah)

Keterangan ayat

مَكْسُورٌ	الْمِصْبَاحُ
predikat	subjek
ayat nominal <i>al-muthbatat</i>	


Contoh ayat *manfiyat*: مَا الْمِصْبَاحُ مَكْسُورٌ (Lampu itu tidak pecah)

Keterangan ayat *manfiyat*:

مَكْسُورٌ	الْمِصْبَاحُ	مَا
predikat <i>al-manfiyyat</i>	subjek <i>al-manfiyyat</i>	huruf nafi
ayat nominal <i>al-manfiyyat</i>		<i>al-na:fiat</i>

3.3.1.1 Subjek *al-manfiyyat* (الْأَسْمَاءُ الْمُنْفِيَّةُ) (lihat gambarajah 2)

Pola Subjek *al-manfiyyat* akan sentiasa berubah-ubah mengikut syarat-syarat kefungsiian sesuatu huruf nafi dari segi definiti dan juga pengkasusan.



Gambarajah 3

Subjek *al-manfiyyat* لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ (lihat gambarajah 3)

Bagi Subjek ini ada dua keadaan :

- i. Kata tunggal samada kata nama duaan ataupun *jama'*. Hukumnya wajib *mabniy* dengan akusatif atau kasus gantian kepada akusatif.

Mabniy dengan kasus akusatif jika kata nama tunggal dan *jama'* taksir termasuk kata nama *jama'* seperti لَا عَالِمٌ مُتَكَبِّرٌ (tiada seorang alim berbangga diri) dan لَا عُلَمَاءَ مُتَكَبِّرُونَ (tiada ulama berbangga diri).

Mabniy dengan الْيَاءُ untuk kata nama duaan dan *jama'* *mudhakkar sa:lim* dan kasus genitif untuk *jama'* *muannath sa:lim* seperti لَا صَدِيقَيْنِ مُتَنَافِرَانِ (tiadalah dua sahabat bertelagah) dan لَا حَاسِدِينَ مُتَعَاوِنُونَ (tiadalah orang-orang yang berhasad saling membantu)

Mabniy dengan kasus genitif untuk *jama'* *muannath sa:lim* dan boleh juga dengan kasus akusatif seperti لَا وَالِدَاتَ / وَالِدَاتِ قَاسِيَاتٌ (tiadalah ibu-ibu bersikap kasar) dengan dua keadaan seperti kata dalam bait syair :

إِنَّ الشَّبَابَ الَّذِي مَجَّدَ عَوَاقِبُهُ ... فِيهِ نَلْدٌ وَلَا لَدَاتٍ لِلشَّيْبِ

Terjemahan :

Sesungguhnya zaman muda (penyair) yang penuh kemuliaan telah berlalu, padanya dia berseronok dan tiada keseronokan pada masa tua.

Keterangan : Kata nama لَدَاتٍ/لذات diriwayatkan¹ *mabniy* dengan akusatif atau genitif dengan kasus *mabniy* dalam keadaan yang telah lepas, ia sentiasa berada di tempat akusatif, *mabniy* pada lafaz akusatif tempatnya.

¹ Syarh Syudhu:r Az-Dhahab hlm 101

- ii. Kata *muḍa:f* ataupun kata separa *muḍa:f*. Hukumnya wajib diakusatifkan Subjeknya.¹

Contoh *muḍa:f*:

Contoh	Subjek لَا	Kasus	Jenis & Bilangan
لَا قَوْلَ زُورٍ نَافِعٌ (Tiada sebarang percakapan palsu berfaedah)	قَوْلَ	akusatif (بِالْفَتْحَةِ)	kata nama tunggal
لَا أَنْصَارَ خَيْرٍ مُتَنَافِرُونَ (Tiada sebarang penolong kebaikan yang bertelagah)	أَنْصَارَ	akusatif (بِالْفَتْحَةِ)	kata nama jama' taksi:r
لَا ذَا أَدَبٍ تَمَامٌ (Tiada sebarang orang yang mempunyai adab sempurna)	ذَا	akusatif (بِالْأَلْفِ)	kata nama <i>sittat</i>
لَا نَصِيحَتِي إِخْلَاصٍ أَنْفَعُ مِنْ نَصِيحَةِ الْوَالِدَيْنِ (Tiada sebarang dua nasihat yang lebih berguna dari nasihat kedua ibubapa)	نَصِيحَتِي	akusatif (بِالْيَاءِ)	kata nama duaan
لَا خَائِنِي وَطَنٍ سَالِمُونَ (Tiada sebarang pengkhianat bangsa selamat)	خَائِنِي	akusatif (بِالْيَاءِ)	kata nama jama' mudhakkar
لَا مُهْمَلَاتٍ عَمَلٍ مُكْرَمَاتٌ (Tiada sebarang pekerja malas dihormati)	مُهْمَلَاتٍ	akusatif (بِالْكَسْرِ)	kata nama jama' muannath

Jadual 6

Contoh separa *muḍa:f*:

Contoh	Subjek لَا	Kasus	Jenis & Bilangan
لَا مُرْتَفِعًا قَدْرُهُ مَعْمُورٌ (Tiada sebarang ketinggian yang dimampuinnya dapat dipenuhi)	مُرْتَفِعًا	akusatif (بِالْفَتْحَةِ)	kata nama tunggal
لَا بَائِعًا دِينَهُ بِدُنْيَاهُ رَابِحٌ (Tiada sebarang penjual agamanya dengan dunianya mendapat untung)	بَائِعًا	akusatif (بِالْفَتْحَةِ)	kata nama tunggal
لَا خَمْسَةَ وَعِشْرِينَ غَائِبُونَ (Tiada sebarang dua puluh lima yang menghilang)	خَمْسَةَ	akusatif (بِالْفَتْحَةِ)	kata nama tunggal

¹ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 691 dan 692

لَا سَاعِيًّا وَرَاءَ الرِّزْقِ مَحْرُومٌ (Tiada sebarang pengusaha mencari rezki diharamkan)	سَاعِيًّا	akusatif (بالفتحة)	kata nama tunggal
لَا قَاعِدًا عَنِ الْجِهَادِ مَعْدُورٌ (Tiada yang duduk dari berjihad diberi pelepasan)	قَاعِدًا	akusatif (بالفتحة)	kata nama tunggal
لَا سَائِقِينَ طَيَّارَةً غَافِلَانَ (Tiada sebarang dua orang juruterbang lalai)	سَائِقِينَ	akusatif (بالفتحة)	kata nama duaan
لَا حَارِسِينَ بِاللَّيْلِ نَائِمُونَ (Tiada sebarang penjaga malam tidur)	حَارِسِينَ	akusatif (بالفتحة)	jama' mudhakkar
لَا رَاغِبَاتٍ فِي الشُّهُرَةِ مُسْتَرِيحَاتٌ (Tiada sebarang pengejar populariti beristirahat)	رَاغِبَاتٍ	akusatif (بالفتحة)	jama' muannath

Jadual 7

Contoh-contoh yang lepas telah menjelaskan fleksi akusatif dengan baris akusatif yang jelas pada perkataan kata nama tunggal dan jama' taksir termasuk kata nama jama' seperti قَوْمٌ dan رَهْطٌ dan dengan baris yang menggantikan kasus akusatif seperti الأَلْفُ untuk *al-asma' al-sittat*, اليَاءُ untuk kata nama duaan dan jama' mudhakkar *sa:lim* dan kasus genitif untuk jama' muannath *sa:lim*.

(1) Subjek *al-manfiyyat* لَا - مَا - إِنَّ - لَا تَ الْحَازِيَّةِ (lihat gambarajah 3)

Subjek *al-manfiyyat* (لَا - مَا dan إِنَّ) sama ada berfungsi atau tidak, fleksi keduanya nominatif. Kefungsian huruf ini merujuk kepada predikatnya yang akusatif.

Contoh berfungsi : لَا مَعْرُوفٌ ضَائِعًا (tidaklah sesuatu kebaikan hilang)

Contoh tidak berfungsi : لَا مَعْرُوفٌ ضَائِعٌ (tidaklah sesuatu kebaikan hilang)

(i) Subjek al-manfiyyat huruf nafi لَّا

Subjek <i>al-manfiyyat</i>	Contoh	Fleksi perkataan bergaris
Kata nama indifinit Tunggalan	لَا مَعْرُوفٌ ضَائِعًا (tidaklah sesuatu kebaikan hilang)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama indifinit Duaan	لَا رَجُلَانِ غَائِبِينَ (tidaklah dua orang menghilang)	Subjek nominatif dengan huruf الألف gantian kasus <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama indifinit Jama' Mudhakkar	لَا مُؤْمِنُونَ غَائِبِينَ (tidaklah ramai lelaki mukmin menghilang)	Subjek nominatif dengan huruf الواو gantian kasus <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama indifinit Jama' Muannath	لَا مُؤْمِنَاتٌ غَائِبَاتٌ* (tidaklah ramai perempuan mukmin menghilang)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama indifinit Jama' Taksi:r	لَا رَجَالٌ غَائِبِينَ (tidaklah ramai orang menghilang)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍammaṭ</i>

Jadual 8

* Subjek dan predikat لَّا mestilah indifinit¹

(ii) Subjek al-manfiyyat huruf nafi مَا

Subjek <i>al-manfiyyat</i>	Contoh	Fleksi perkataan bergaris
Kata nama difinit Tunggalan	مَا الْمَعْرُوفُ ضَائِعًا (tidaklah sesuatu kebaikan hilang)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama difinit Duaan	مَا الرَّجُلَانِ غَائِبِينَ (tidaklah dua orang menghilang)	Subjek nominatif dengan huruf الألف gantian kasus <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama difinit Jama' Mudhakkar	مَا الْمُؤْمِنُونَ غَائِبِينَ (tidaklah ramai lelaki mukmin menghilang)	Subjek nominatif dengan huruf الواو gantian kasus <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama difinit Jama' Muannath	مَا الْمُؤْمِنَاتُ غَائِبَاتٌ* (tidaklah ramai perempuan mukmin menghilang)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍammaṭ</i>
Kata nama difinit Jama' Taksi:r	مَا الرَّجَالُ غَائِبِينَ (tidaklah ramai orang menghilang)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍammaṭ</i>

Jadual 9

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyyat Fi al-Nahw Wa al-Tasri: f hlm 365

* Subjek *al-manfiyyat* مَا selalunya definit namun terdapat juga dalam bentuk indifinit tetapi amat jarang digunakan, walaupun didapati, ia adalah kerana diserupakan dengan لَا¹ مَا بِأَسَ النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ¹

(iii) Subjek *al-manfiyyat* huruf nafi إِنَّ

Subjek <i>al-manfiyyat</i>	Contoh	Fleksi perkataan bergaris
Kata nama difinit Tunggalan	إِنَّ زَيْدًا قَائِمًا (tidaklah Zaid bangun)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍommat</i>
Kata nama difinit Duaan	إِنَّ زَيْدَانِ قَائِمَيْنِ (tidaklah Zaid bangun)	Subjek nominatif dengan huruf الألف gantian kasus <i>ḍommat</i>
Kata nama difinit Jama 'Mudhakkar	إِنَّ زَيْدُونَ قَائِمِينَ (tidaklah kedua-dua Zaid bangun)	Subjek nominatif dengan huruf الواو gantian kasus <i>ḍommat</i>
Kata nama difinit Jama 'Muannath	إِنَّ أَنتُنَّ قَائِمَاتٌ (tidaklah kamu(perempuan) semua bangun)	Subjek mabniy dengan kasus berbaris <i>fathat</i> di tempat nominatif.
Kata nama difinit Jama 'Taksi:r	إِنَّ الرِّجَالَ قَائِمِينَ (tidaklah Zaid bangun)	Subjek nominatif dengan kasus berbaris <i>ḍommat</i>

Jadual 10

Golongan yang menjadikannya berfungsi telah mensyaratkan dengan syarat-syarat yang khusus sebagaimana مَا النَّافِيَةِ dan satu syarat lain iaitu tidak terdapat إِنَّ tambahan selepasnya.² Subjek إِنَّ tidak semestinya kata nama difinit.

(iv) Subjek *al-manfiyyat* huruf nafi لَاتَ

Subjeknya mestilah kata nama *zama:n* (menunjukkan masa) yang difinit.³

Contoh : لَاتَ الْحَيْنُ حِينَ سَهْوٍ (Bukanlah sekarang ini waktu lalai)


Fleksi : Subjek nominatif (biasanya Subjek di hazafkan)

¹ Al-Jana al-Da:niy Fi Huruf al-Ma'a:niy hlm 593

² Al-Nahw al-Wa:fiy jld 1 hlm 604

³ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyyat Fi al-Nahw Wa al-Ta'srif hlm 373

3.3.1.2 Predikat *al-manfiyyat* (الأخبار المنفية) (lihat gambarjah 1)



Gambarajah 4

(1) Predikat *al-manfiyyat* (لَا - مَا dan إِنَّ) *al-Hijaziyyat*

(lihat gambarajah 4)

(i) Predikat *al-manfiyyat* (لَا - مَا dan إِنَّ) *al-Hijaziyyat*

Jika predikat *al-manfiyyat* (لَا - مَا dan إِنَّ) *al-Hijaziyyat* yang berfungsi dengan fungsi *لَيْسَ* merupakan predikat tunggal maka predikatnya akusatif.

Jika predikat merupakan predikat *jumlat* ataupun *jumlat* separa maka *jumlat* ataupun *jumlat* separa itu diharuskan akusatif di tempat predikatnya yang akusatif (مَنْصُوبٌ مَحَلًّا).

Contoh :

Predikat <i>al-manfiyyat</i>	Contoh	Fleksi perkataan bergaris
Predikat tunggal	لَا مَعْرُوفٌ ضَائِعًا (tidaklah sesuatu kebaikan hilang)	Predikat nominatif dengan kasus berbaris <i>fathat</i>
Predikat <i>jumlat ismiyyat</i>	لَا رَجُلٌ أَخُوهُ مُهَنْدِسٌ (tidaklah seorang lelaki saudaranya seorang jurutera)	<i>Jumlat ismiyyat</i> di tempat akusatif predikat لَا berfungsi <i>لَيْسَ</i>
Predikat <i>jumlat fi'liyyat</i>	إِنَّ زَيْدًا يَقُومُ (tidaklah Zaid bangun)	<i>Jumlat fi'liyyat</i> di tempat akusatif predikat مَا berfungsi <i>لَيْسَ</i>

Predikat separa <i>jumlat</i>	مَا الْمَرْءُ فِي الدَّارِ (Tiadalah seseorang dalam rumah)	Separu <i>jumlat</i> di tempat akusatif predikat مَا berfungsi لَيْسَ
-------------------------------	--	---

Jadual 11

(ii) Predikat *al-manfiyyat* huruf nafi لَاتَ

Predikatnya mestilah kata nama *zama:n* (menunjukkan masa) yang indifinit.¹

Manakala predikat huruf لَاتَ lebih banyak digunakan dalam bentuk akusatif dari nominatif. Menurut al-Akhfasy لَاتَ sebenarnya tidak berfungsi dengan fungsi لَيْسَ حِينَ akusatif disebabkan oleh kata kerja dan pelaku yang *mahdhu:f*. Maka makna لَاتَ حِينَ مَنَاصٍ ialah لَا أَرَى حِينَ مَنَاصٍ.²

Contoh : لَاتَ (الْحَيْنُ) حِينَ سَهْوٍ (Bukanlah sekarang ini waktu lalai)

Fleksi : Predikat akusatif dengan tanda kasus *fathat*

(2) Predikat *al-manfiyyat* (إِنْ - مَا - لَا) *al-Tami:miyyat* (lihat gambarjah 4)

Predikat *al-manfiyyat* (إِنْ - مَا - لَا) *al-Tami:miyyat* tidak berfungsi dengan fungsi لَيْسَ, maka predikatnya nominatif. Semua syarat-syarat kefungsiian tidak boleh digunapakai untuk huruf nafi ini. Sama ada memenuhi syarat kefungsiian atau tidak predikatnya adalah nominatif.

Manakala predikat *al-manfiyyat* لَاتَ dalam bentuk nominatif amat jarang digunakan.³

Contoh : لَاتَ (الْحَيْنُ) حِينَ سَهْوٍ (Bukanlah sekarang ini waktu lalai)

Fleksi : Predikat nominatif dengan kasus barbaris *dommat*

¹ Mu'jam Qawa'id al-'Arabiyyat Fi al-Nahwi Wa al-Taşri:f hlm 373

² Syarh al-Riða 'ala al-Ka:fiyat jld 2 hlm 197

³ Syarh al-Riða 'ala al-Ka:fiyat jld 2 hlm 197

(3) Predikat لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ (lihat gambarjah 4)

Contoh :

Predikat <i>al-manfiyyat</i>	Contoh	Fleksi perkataan bergaris
Predikat tunggalan	لَا خَيْرَ مَرْجُوٍّ مِنَ الشَّرِّيرِ (tiada kebaikan diharapkan dari kejahatan)	Predikat nominatif dengan kasus berbaris <i>dommat</i>
Predikat <i>jumlat ismiyyat</i>	لَا رَجُلًا أَخُوهُ مُهَنْدِسٌ (tidaklah seorang lelaki saudaranya seorang jurutera)	<i>Jumlat ismiyyat</i> di tempat akusatif predikat <u>لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ</u>
Predikat <i>jumlat fe'liyyat</i>	لَا رَجُلًا يَقُومُ (tiada seorangpun bangun)	<i>Jumlat fe'liyyat</i> di tempat akusatif predikat <u>لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ</u>
Predikat separa <i>jumlat</i>	لَا نَهْرَ فِي الصَّحْرَاءِ (Tiada sungai di gurun)	Separu <i>jumlat</i> di tempat akusatif predikat <u>لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ</u>

Jadual 12

3.3.2 *Al-Manfiyyat* dalam ayat verbal (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ الْمَنْفِيَّةُ) (lihat gambarjah 2)

Dalam sub topik ini, penulis akan membincangkan mengenai ayat verbal yang dinafikan dari segi struktur sintaksis manakala dari sudut masa, penulis telah bincangkan dalam bab 2 yang lepas. Walaupun perbincangan ini mengenai ayat verbal yang dinafikan namun ia lebih tertumpu kepada pola perubahan pada kasus kata kerja sahaja sementara pelaku, pelaku gantian mahupun Subjek serta predikat kata kerja *na:qiş* adalah tertakluk kepada fleksi tempatnya yang disandarkan kepada kata kerja sebelumnya.

Contoh : مَا قَامَ زَيْدٌ (Zaid tidak bangun)

مَا	Huruf nafi	Ayat Verbal <i>al-manfiyyat</i>
قَامَ	Kata kerja yang dinafikan	
زَيْدٌ	Pelaku	

Ayat verbal atau *jumlat fi'liyyat* ialah ayat yang dimulakan dengan kata kerja diikuti dengan pelaku atau pelaku gantian serta sempurna makna dengan keduanya¹

Contoh : حَضَرَ الرَّجُلُ (telah hadir seorang lelaki)
يَكْتُبُ الطَّالِبُ (pelajar itu sedang menulis)
أُدْرُسْ (belajarlah).

Menurut Al-Syeikh Mustafa Ghala:yiniy ayat verbal ialah ayat yang terdiri dari:²

1. Kata kerja dan pelaku.

Contoh : سَبَقَ السَّيْفُ الْعَدْلَ (Pedang telah mendahului pengadilan)

2. Kata kerja pasif dan pelaku gantiannya.

Contoh : يُنصِرُ الْمَظْلُومُ (Akan dibantu orang yang dizalimi)

3. Kata kerja *na:qis*, subjeknya serta predikatnya.

Contoh : يَكُونُ الْمُجْتَهِدُ سَعِيداً (Adalah orang yang rajin itu gembira)

a) Kata kerja kala lepas *manfiyyat* (lihat gambarjah 2)

Penggunaan huruf nafi mendepani kata kerja kala lepas tidak akan mengubah pola kata kerja tersebut. Kata kerja kala lepas adalah *mabniy*. Kata kerja kala lampau adalah *mabniy*³ dari semua strukturnya.

Contoh :

قَامَ وَاسْتَقَامَ وَضَرَبَ وَاضْطَرَبَ وَدَحْرَجَ وَتَدَحْرَجَ وَأَحْمَرَ وَأَحْمَرًا

¹ Mulakhkhas Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat hlm 19

² Ja:mi' al-Durus al-'Arabiyyat jld 1 hlm 110

³ Kata kerja kala lampau *shahi:h* akhir hurufnya *mabniy* dengan kasus nyata *fathaq, dommaq, sukun* di atas huruf ل *wazan* فعل , jika kata kerja jika *mu'tall* *mabniy* dengan kasus andaian kecuali jika bersambungan dengan ألف الإثنين

Menurut Ahmad Mukhtar ‘Omar huruf nafi مَا digunakan mendepani kata kerja kala lepas¹ seperti : مَا جَاءَ الضَّيْفُ (tetamu tidak datang). Huruf nafi لَا kadangkala digunakan juga mendepani kata kerja kala lampau sekiranya menjadi ‘atf seperti : مَا جَاءَ الضَّيْفُ وَلَا اعْتَذَرَ (tetamu tidak datang dan tidak minta maaf) dan huruf yang disebut berulang seperti firman Allah :

﴿ وَلَكِنْ كَذَّبَ وَتَوَلَّى ، فَلَا صَدَقَ وَلَا صَلَّى ﴾²

Terjemahan :

Oleh sebab orang yang kufur ingkar tidak percayakan hari kiamat maka ia tidak mengakui kebenaran yang diwajibkan menyakininya dan ia tidak mengerjakan sembahyang yang difardhukan mengerjakannya.

Jika ditemui juga penggunaan huruf nafi لَا mendepani kata kerja kala lepas selain dari dua sebab sebelum ini maka ia digunakan dalam ungkapan doa.

Contoh firman Allah : ﴿ فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ، وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ، فَكُ رَقَبَةً ﴾³

Terjemahan :

Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? Di antara amal-amal itu - bagi orang yang mampu) ialah: memerdekakan hamba 'abdi.

Keterangan :

Terdapat perselisihan di kalangan ahli nahu Arab tentang ayat ini antaranya :⁴

1. Al-Zamakhshariyy : berulang pada makna :

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ : فَلَا فَكُ رَقَبَةً ، وَلَا أَطْعَمَ مِسْكِينًا

2. Az-Zajjaj : ma'tu:f kepada ayat selepasnya ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا yang menunjukkan makna وَلَا آمِنُ ، فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ، وَلَا آمِنُ

3. Sesetengahnya berpendapat لَا دُعَائِيَّةٌ iaitu suatu doa agar tidak berbuat baik.

¹ ' Akhta' al:Lughat al-'Arabiyat al-Mu'a:sharat 'Inda al-Kita:b Wa al-'Iza'iyyi:n. hlm 167

² Surah Al Qiyamah ayat 31-32

³ Surah al-Balad ayat 11-13

⁴ Mughna al-Labi:b hlm 321

4. Yang lain pula berpendapat ia diujarkan dengan uslub *تَحْضِيضٌ* (*gesaan*) dengan mengandaikannya *أَلَا* dan ayat berbunyi *فَأَلَا أَقْتَحَمَ*, kemudian dihilangkan *الْهَمْزَةُ*. Ini pendapat lemah.

Menurut Al-Mura:di (1992)¹ sedikit sahaja huruf nafi *لَا* mendepani kata kerja kala lepas. Daripada pendapat dan pandangan para ulama nahu, penggunaan huruf nafi *مَا* lebih banyak mendominasi pendepanan kata kerja kala lampau kecuali dalam beberapa situasi yang mengharuskan.

b) Kata kerja kala kini/depan *manfiyyat* (lihat gambarjah 2)

Kata kerja kala kini/depan merupakan kata kerja yang mu'rab kecuali jika bersambungan dengan *نُونُ النَّسْوَةِ* dan *نُونُ al-tawki:d* sama ada *al-thaqi:lat* mahupun *al-khafi:fat*. Kata kerja kala kini/depan *mu'rab* dengan tiga keadaan iaitu nominatif, akusatif dan *majzum*.

1. Perubahan pola kata kerja kala kini/depan *sahi:h* huruf akhir nominatif seperti dalam jadual berikut :

Tempat Fleksi	Wazan		Kata kerja kala kini/depan nominatif
Huruf Akhir	يَفْعَلُ	أَفْعَلُ	kasus <i>dommat</i> yang nyata pada huruf akhir
	تَفْعَلُ	نَفْعَلُ	
Huruf نون (<i>af'a:l sittat</i>) ²	يَفْعَلَانِ	تَفْعَلَانِ	<i>thubu:t</i> huruf <i>nu:n</i>
	يَفْعَلُونَ	تَفْعَلُونَ	
	تَفْعَلِينَ		

Jadual 13

¹ Al-Jana al-Da:niy Fi Huruf al-Ma'a:niy hlm 297

² Kata kerja kala kini yang bersambung dengan *ان ، ون ، ين*

2. Perubahan pola kata kerja *na:qiṣ*¹ kala kini/depan seperti dalam jadual berikut :

Tempat Fleksi	kata kerja <i>na:qiṣ</i>	Kata kerja kala kini/depan		
		Nominatif	Akusatif	<i>Majzu:m</i>
Huruf Akhir	يَرْضَى	ḍommat andaian ²	fathat andaian	<i>hadhaf</i> huruf 'illat
	يَعْزُو		fathat nyata	
	يَرْمِي			
Huruf نون (af 'a:l sittat)	يَرْضَانِ	thubu:t huruf nu:n	<i>hadhaf</i> huruf nu:n	
	يَعْرُونَ			
	يَرْمِيَانِ			

Jadual 14

3. Perubahan pola kata kerja *ajwaf*³ kala kini/depan seperti dalam jadual berikut :

Tempat Fleksi	kata kerja <i>na:qiṣ</i>	Kata kerja kala kini/depan		
		Nominatif	Akusatif	<i>Majzu:m</i>
Huruf Akhir	يَخَافُ	ḍommat nyata	fathat nyata	<i>hadhaf</i> huruf 'illat
	يَقُولُ			
	يَبِيعُ			
Huruf نون (af 'a:l sittat)	يَقُولَانِ	thubu:t huruf nu:n	<i>hadhaf</i> huruf nu:n	

Jadual 15

Contoh penjelasan pola perubahan kata kerja ini dalam keadaan *majzu:m*:




¹ Kata kerja huruf akhirnya terdiri dari huruf واو ، ياء ، ألف

² Huruf alif *maqṣu:rat* diakhir kata kerja يرضى tidak boleh diletakkan kasus dan difleksikan dengan kasus andaian sahaja kerana terdapat kesulitan dalam pengujaran

³ Kata kerja huruf tengahnya terdiri dari huruf واو ، ياء ، ألف

Gambarajah peta minda i'ra:b dan bina:' kata kerja kala kini/depan¹



Gambarajah 5

¹ Mu'jam al-Qawa'id al:Lughat al-'Arabiya hlm 137

3.4 BENTUK-BENTUK GAYA BAHASA PENAFIAN DALAM BAHASA ARAB

Penggunaan huruf nafi dalam ayat sangat mempengaruhi makna sesuatu binaan ayat. Penggunaan huruf nafi dalam ayat juga telah mengubah maksud keseluruhan ayat serta membawa kepada ungkapan *balaghiaṭ* dan unsur seni bahasa Arab.

Perbahasan ahli *bala:ghaṭ* mengenai jenis-jenis ayat dalam bahasa Arab sangat penting untuk dikaji. Ilmu nahu meletakkan pembahagian ayat ini dari sudut susun atur kalimah yang memberi makna yang lengkap. Manakala ilmu *bala:ghaṭ* pula meletakkan pembahagian ayat dengan melihat kepada tujuan dan faedah sesuatu ayat itu dibina dari segi makna yang sampai kepada pendengarnya.¹

Tujuan perbincangan topik ini adalah untuk kita mengaitkan fokus perbincangan dengan pembentukan ayat bagi menjelaskan makna sesuatu ayat serta tujuan mengapa ia berkeadaan sedemikian.

Setiap satu ayat yang diolah mempunyai tujuan dan kefahaman yang berbeza serta situasi masa dan tempat yang berbeza juga dan pendengar yang berbeza. Bagi menjadikan sesuatu ayat itu sampai kepada pendengarnya akan memerlukan kepada kemahiran dalam membina ayat yang baik.

Penggunaan huruf nafi dalam sesuatu ayat sudah tentu mempunyai maksud yang yang tertentu. Maka dari sini pengkaji akan mengkaji ayat yang menggunakan huruf nafi dari sudut makna dan tujuan. Tumpuan khusus akan diberikan kepada penggunaan huruf nafi dalam ayat.

¹ Al-Bala:ghaṭ al-'Arabiyaṭ : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: hlm 145

3.4.1 *Al-Qaṣr*

Takrif *al-Qaṣr* dari segi bahasa ialah pengkhususan dan dari segi istilah ia adalah mengkhususkan sesuatu dengan sesuatu menggunakan ungkapan yang ditujukan keatasnyanya.¹

Firman Allah : ﴿ حُورٌ مَّقْصُورَاتٌ فِي الْخِيَامِ ﴾²

Terjemahan :

Perempuan-perempuan ahli syurga telah mengkhususkan (bagi mereka) khemah-khemah (untuk mereka tinggal) di dalamnya.

Al-Maqṣu:r dan *maqṣu:r* 'alaih merupakan rukun *al-Qaṣr* yang penting seperti dalam contoh di bawah ini :

1. *إِنَّمَا الْبُحْتُرِيُّ شَاعِرٌ* (*Sesungguhnya Buhturiy hanyalah seorang penyair*)
2. *إِنَّمَا صَلَاحُ الدِّينِ قَائِدٌ* (*Sesungguhnya Solahuddin hanyalah seorang pemimpin*)

Dalam contoh yang pertama kita telah mengkhususkan syair kepada Al-Buhturiy seorang sahaja. Penyair (شَاعِرٌ) adalah *maqṣu:r* manakala Al-Buhturiy merupakan *maqṣur* 'alaih.

Dalam contoh yang kedua kita telah mengkhususkan panglima kepada Şolahuddin sahaja. Panglima (قَائِدٌ) adalah *maqṣu:r* manakala Şolahuddin merupakan *maqṣu:r* 'alaih.

Pengkaji tidak mahu mendalami tajuk ini. Namun ia sekadar pengenalan untuk memahami tujuan penggunaan huruf nafi dalam topik ini.

Secara amnya, *al-Qaṣr* terbahagi kepada beberapa bahagian yang berbagai-bagai mengikut kepelbagaian tanggapan dan pertimbangan.

¹ Al-Bala:ghaṭ al-'Arabiyat : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Funu:nuha:.. c.1. Jld 1 hlm 523

² Surah Ar Rahman ayat 72

Ada beberapa cara mengungkapkan *al-Qaṣr* :

1. *Qaṣr* dengan *إِنَّمَا*
2. *Qaṣr* dengan *مَا النَّافِيَةِ* dan *إِلَّا*
3. Al-‘Atf : Huruf ‘*atf* yang boleh digunakan *qaṣr* ini ialah *لَا*, *بَلْ* dan *لَكِنَّ*
4. Mendahulukan yang asalnya dikemudiankan

Menurut Faḍl Ḥassa:n ‘Abba:s, *مَا* dan *إِلَّا* digunakan untuk mengungkapkan sesuatu yang tidak diketahui atau diingkari oleh seseorang. Seperti kamu ingin berjumpa dengan seseorang, dan kamu berkata kepada kawan kamu *مَا هَذَا إِلَّا فُلَانٌ* (*Tiadalah begini melainkan si polan*) pada hemat kamu si polan tidak berperangai memungkiri janji tetapi kawan kamu menyangkakan sedemikian.¹

Contoh dari firman Allah tentang hal ini. :

﴿ مَا الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ ﴾²

Terjemahan :

Tiadalah Al-Masih anak Maryam itu melainkan seorang rasul.

Keterangan : Ayat itu ditujukan kepada golongan yang mengingkari kerasulan Nabi Isa dan mereka juga mendakwanya selain itu.

Selain tujuan di atas tadi, Dr. Faḍl Ḥassa:n ‘Abba:s menambah, ia dikatakan juga untuk mereka yang telah dianggap *ingkar* dan tidak mengetahui seperti yang disebut dalam firman Allah :

﴿ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ ﴾³

Terjemahan :

Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul yang sudah pun didahului oleh beberapa rasul yang telah mati atau terbunuh .

¹ Al-Bala:ghaṭ : Fununuha Wa Afna:nuha: hlm 367

² Surah Al Maidah 75

³ Surah Al Imran 144

Ayat ini diturunkan ketika peperangan Uḥud, para sahabat r.a tidak mengingkari hakikat ini, apabila mereka terdengar berita kematian Nabi Muhammad, mereka tahu bahawa Nabi Muhammad juga manusia biasa yang hidup dan mati. Ketika mereka menidakkan kematian ke atas Nabi seolah-olah mereka menolak kejadian manusia ke atas nabi. Penolakan ini menyebabkan penolakan juga ke atas kerasulan nabi. Sebab itulah digunakan uslub *al-qaṣr* di sini.

Dalam ayat lain untuk contoh ini. Firman Allah :

﴿ مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا ﴾¹

Terjemahan :

Kamu semua tidak lain hanyalah manusia biasa seperti kami.

Keterangan : Para Nabi sendiri tidak menolak bahawa mereka adalah manusia biasa, tetapi sesetengah puak telah mendakwa bahawa para nabi bukanlah dari kalangan manusia.

Seperti keterangan yang lalu, huruf nafi *إِنْ* dan *لَا* juga digunakan dalam uslub *al-qaṣr* ini. Contoh dalam firman Allah :

﴿ إِنْ أَنْتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴾²

Terjemahan :

Engkau (wahai Muhammad) tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran.

Dan juga terdapat dalam kalimah syahadah :

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)

Terjemahan :

Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah

¹ Surah Yaasin 15

² Surah Fathir ayat 23

Terjemahan bahasa Melayu huruf penafian مَا dan huruf *istithna:*’ ialah “**tidak, hanyalah**” sedangkan huruf nafi bermakna “tidak” dan huruf *istithna:*’ bermakna “kecuali”. Walaupun berbeza dari terjemahan tetapi maknanya sama. Lihat contoh ini :

مَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ	
Terjemahan Pimpinan Al-Rahman	Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul
Terjemahan <i>harfiyah</i> ¹	Tidaklah Muhammad itu melainkan seorang rasul
Mafhum Ayat	Muhammad itu hanya seorang rasul

Jadual 16

Terjemahan *harfiah* berbunyi agak janggal dan tidak terdapat struktur ayat seperti ini dalam bahasa Melayu. Untuk membetulkan terjemahan ke dalam bahasa Melayu perlulah kita melihat kepada prinsip terjemahan yang baik.

3.4.2 *Al-Ṭiba:q*

Uslub kedua yang juga menggunakan huruf nafi ialah *al-ṭiba:q*. Kebanyakan kitab-kitab *bala:ghat* ada menyebut tentang uslub ini dalam Ilmu *al-badi:*’. Penggunaan uslub *al-ṭiba:q* dalam bahasa Arab merupakan salah satu seni gaya bahasa yang indah (المُحَسَّنَاتُ البَدِيعِيَّةُ) yang terdapat dalam bahasa Arab dan banyak terdapat dalam al-Quran. Penggunaan uslub *al-ṭiba:q* dalam al-Quran menunjukkan kemukjizatan al-Quran dan keindahan dan ketinggian bahasa Arab itu sendiri.

Al-ṭiba:q ialah uslub dimana dua perkara dikumpulkan dan berlawanan antara satu sama lain dalam percakapan. *Al-Ṭiba:q* ada dua bahagian *salbiy* dan *ija:biy*.

¹ Ia bermaksud terjemahan perkataan demi perkataan dari sudut kosa kata, sarf, nahu, dan uslub serta kadar ayat.

(1) *Ṭiba:q ija:biy* :

Ayat yang mengandung dua perkataan yang berlawanan dalam bentuk *ija:biy*.

Contoh : ﴿هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ﴾¹

Terjemahan :

Dialah **Yang Awal dan Yang Akhir**; dan **Yang Zahir serta Yang Batin**

(2) *Ṭiba:q salbiy* :

Ayat yang mengandung dua perkataan yang berlawanan dalam bentuk *salbiy*.

Contoh : ﴿يَسْتَخْفُونَ مِنَ النَّاسِ وَلَا يَسْتَخْفُونَ مِنَ اللَّهِ﴾²

Terjemahan :

Mereka **memnyembunyikan** kejahatan mereka daripada manusia, dalam pada itu mereka **tidak menyembunyikan** kejahatan mereka daripada Allah

Ketinggian bahasa Arab dihiasi dengan keindahan gaya bahasanya yang berbagai-bagai serta biasa digunakan oleh masyarakat Arab secara meluas dalam sastera mahupun percakapan harian. Ragam penggunaan bahasa yang pelbagai telah mengangkat martabat al-Quran ke tempat yang paling tinggi. Bahasa al-Quran tidak hanya disampaikan dengan bahasa kelangsungan bahkan ia disampaikan dengan bahasa yang kompleks mengandungi ayat yang *mutasya:biha:t* dan bukan *mutasya:biha:t*.

Tujuan penggunaan gaya bahasa *al-ṭiba:q* dalam bahasa Arab menurut ‘Abd al-Rahma:n Al-Mayda:niy , unsur keindahan dalam *al-ṭiba:q* ialah apa yang ada dalamnya unsur kesesuaian antara uslub *al-ṭiba:q* dengan membawa kita berfikir dengan menganggap bahawa pertembungan dua unsur yang berlawanan telah melintasi pemikiran di antara kesamaran dan kepelbagaian.³ Dengan membawa unsur *al-ṭiba:q*

¹ Surah al-Ḥadi:d ayat 3

² Surah al-Nisa:’ ayat 108

³ Al-Bala:ghaṭ al-‘Arabiyat : Ususuha: Wa ‘Ulu:muha: Wa Fununuha: j2 hlm 377

seseorang akan lebih memahami sesuatu unsur penting yang hendak disampaikan dengan mendatangkan unsur yang berlawanan dengannya.

Dalam hal ini, penulis ingin memfokuskan penggunaan huruf nafi dalam uslub *al-tiba:q* untuk melihat secara jelas tujuan penggunaan *al-tiba:q* dalam bahasa Arab.

Contoh firman Allah :

﴿ وَعَدَ اللَّهُ لَا يُخْلِفُ اللَّهُ وَعْدَهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ * يَعْلَمُونَ ظَاهِرًا مِّنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ الْآخِرَةِ هُمْ غَافِلُونَ ¹ ﴾

Terjemahan :

Demikian dijanjikan Allah, Allah tidak pernah mengubah janjinya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya . Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir nyata dari kehidupan dunia sahaja, dan mereka tidak pernah ingat hendak ambil tahu tentang hari akhirat.

Kita tidak mengetahui makna يَعْلَمُونَ jika tidak disusuli dengan ayat *itsba:t* dalam ayat selepasnya. Kesamaran makna يَعْلَمُونَ telah diperjelaskan dengan ayat selepasnya dengan makna ‘mengetahui perkara yang zahir nyata’ yang membawa makna berlawanan dengan ayat sebelumnya.

Melalui contoh-contoh dan keterangan di atas, jelaslah kepada kita bahawa penggunaan *al-tiba:q* dalam ayat selain mempunyai unsur seni, ia juga dapat :

1. menjelaskan kesamaran (*mutasya:biha:t*) dalam ayat
2. menafikan yang umum untuk sesuatu yang lebih khusus
3. menjelaskan maksud dua perkara yang berlawanan (يَيْنَ ضِدَّيْنِ)
4. menguatkan penyampain ayat dengan ayat yang berlawanan dengannya
5. menyempadani makna di antara dua perkara yang berlawanan

¹ Surah al- Ru:m ayat 6 - 7

3.4.3 *Al-tawki:d*

Al-tawki:d amat biasa digunakan dalam ungkapan bahasa Arab. Dalam kedua-dua ilmu nahu dan *bala:ghat* ada disebutkan bab ini dengan keterangan yang berbeza. Dalam ilmu nahu ia hanya disentuh dari sudut fleksi dan kasus yang sepatutnya terhadap perkataan yang menjadi *al-tawki:d*

Salah satu takrifan *al-tawki:d* menurut Al-Muḥa:mi Ḥabi:b Ṭaha, dalam kitab nahu karangan beliau menyebut bahawa *tawki:d* ialah kata ikutan yang disebut selepas kata yang diikutinya untuk menanamkan penegasan kepada pendengar dengan mengulangi lafaz dan makna. Biasanya kata penegas (*tawki:d*) adalah definit.¹

Al-Mayda:niy ada juga menyebut tentang *tawki:d* yang juga selaras dengan takrifan yang dikemukakan oleh ulama *bala:ghat* dalam bab *al-taqyi:d wa 'adamuhu* dimana percakapan seseorang itu tidak mencukupi dengan hanya menyebut *musnad* dan *musnad ilahi* sahaja tanpa ada penambahan *musnad ilahi* yang lain.²

Contoh : هَذِهِ شَجَرَةٌ (Ini pokok)

Keterangan : Penambahan *musnad ilahi* kepada ayat ini mungkin kata sifat, mungkin tempat pokok ditanam, mungkin apa yang ada atas pokok dan sebagainya untuk menarik minat atau perhatian pendengar.

Al-Mayda:niy menjelaskan tentang *tawki:d* dengan memberikan takrifan bahawa ia merupakan kata ikutan disebut untuk memperakukan kata yang diikutinya, bertujuan menghilangkan kemungkinan terhadap kiasan, lupa atau silap. *Tawki:d* dalam ilmu nahu terbahagi kepada dua jenis iaitu *tawki:d lafziy* dan *tawki:d maknawiy*.³

¹ Al-Marja' Fi Qawa'id al-Lughat al-'Arabiya hlm 407

² Al-Bala:ghat al-'Arabiya : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: jld 1 hlm 465

³ Al-Bala:ghat al-'Arabiya : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: jld 1 hlm 465

Takrifan *tawki:d* dalam ilmu *bala:ghat*, taukid dari segi bahasa pada asalnya mengikat kuat pelana di atas binatang tunggangan dengan tali kulit agar tidak jatuh sebagai peneguh dan pengukuh, kemudian digunakan taukid sebagai mengukuhkan perjanjian. Dari makna bahasa ini diambil untuk menguatkan kebenaran percakapan ayat nyata dengan sesuatu yang boleh menguatkannya dari lafaz '*al-tawki:d*'. Tujuan penegasan dalam percakapan ialah untuk memberitahu pendengar bahawa percakapan yang diungkapkan adalah pasti serta ia benar-benar maksudkan dengan apa yang dicakapkan, bukan ragu, banyak cakap, menyesatkan ataupun diada-adakan dan sebagainya, sebagaimana penglipurlara yang menggunakan kelebihan berkhayal yang ada padanya dalam mengada-adakan cerita mereka.

Selain dari tujuan telah disebutkan tadi, Al-Mayda:niy menambah bahawa taukid juga digunakan untuk menolak pegangan yang tidak benar, menolak dakwaan-dakwaan yang salah, menghindar diri dari terdedah kepada kebodohan orang yang bercakap, menurunkan darjah keengkaran pendengar, untuk kemegahan, memuji, mencela, mengasihani, mengeji, menakut-nakutkan dan sebagainya untuk memperlihatkan percakapan benar-benar sampai melalui uslub *tauki:d*.

Sebagai kesimpulan dalam menjelaskan tentang taukid dari sudut pandangan kedua-dua ilmu nahu dan *bala:ghat*, dalam ilmu nahu taukid disebut dalam bab *al-tawa:bi'* dengan menjelaskan perkataan yang berulang dari segi lafaz dan makna hukumnya adalah merupakan *tawki:d* iaitu penegas bagi perkataan sebelumnya yang diulangi.

Contoh taukid *lafziy* :¹

1. Taukid kata kerja : جَاءَ زَيْدٌ (Telah datang, telah datang Zaid)
2. Taukid kata nama : جَاءَ زَيْدٌ (Telah datang Zaid, Zaid)

¹ Syarh al-Ajrumiat hlm 83

Contoh taukid *maknawiy* :

صُمْتُ شَهْرًا كُلَّهُ (*Aku puasa sebulan, semuanya*)

Dalam ilmu *bala:ghat* pula disebut *tawki:d* ayat dan *tawki:d* perkataan. *Tawki:d* ayat bermaksud ayat yang biasa telah ditegaskan dengan penambahan sesuatu seperti kata nama, kata kerja mahupun huruf. *Tawki:d* perkataan pula ialah seperti yang telah diterangkan dalam ilmu nahu dan ditambah sedikit tujuan penggunaannya.

Fokus utama dalam sub topik ini ialah untuk melihat makna ayat dengan pemakaian huruf nafi sebagai *tawki:d* samada *tawki:d* dari sudut nahu mahupun *bala:ghat*.

Al-Mayda:niy mendalami perbicaraan mengenai bentuk *tawki:d* dalam bab *adrubil khabar* dengan membawa lapan belas contoh bentuk *tawki:d* ayat nyata (جُمْلَةٌ خَبَرِيَّةٌ). Menurut beliau setiap ayat verbal dan ayat nominal samada *ija:biy* mahupun *salbiy* ditauki:dkan bertujuan membenarkan *isna:d* dalam ayat ataupun mengukuhkan hakikat sebenar *isna:d*. Antara bentuk-bentuk *tawki:d* adalah *al-taqdi:m wa al-ta'khi:r*, memilih ayat nominal dari ayat verbal, memasukkan huruf قَدْ, *nun taukid khafi:fat* dan *thaqilat*, memasukkan لَمْ الْإِيتِدَاءِ ke dalam ayat dan sebagainya

Termasuk juga dalam hal di atas ialah :

1. Pengulangan huruf nafi dan penggunaan huruf seperti kata syair :

لَا أَبُوحُ بِحُبِّ بَنَّةِ إِنِّهَا * أَخَذَتْ عَلَيَّ مَوَاقِفًا وَعُهُودًا

Terjemahan :

Tidak, tidak aku nyatakan dengan kecintaan bathnat, sesungguhnya dia mengambil ke atasku suatu janji dan juga ikatan.

2. Penggunaan huruf كُنْ dalam ayat verbal.

Al-Zamakhshariyy menyatakan bahawa huruf كُنْ menunjukkan *tawki:d* dalam penafian serta *ta'bi:d*, tetapi Al-Mayda:niy menolak *al-ta'bid* dan menerima *tawki:d* penafian kerana lafaz كُنْ adalah huruf لَا yang ditambah إِنَّ pada perkataan arab yang juga menjadi kebiasaan untuk menambah makna seperti perkataan لَا أَفْعَلُ¹ apabila tuntutan ditekankan tuntutan akan berbunyi pula كُنْ أَفْعَلُ¹.

Firman Allah : ﴿ كُنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ﴾²

Terjemahan :

Kamu tidak sekali-kali mendapat kebajikan sehingga kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.

Keterangan : Kebaikan dan pahala tidak akan diperolehi selagi seseorang itu tidak mendermakan apa yang dia sayangi. Ini bermakna seseorang akan memperolehi kebaikan setelah berderma. Perbuatan menderma merupakan penamatan dan prasyarat kebaikan dan pahala yang akan diperolehi. Dengan ini, pertikel كُنْ hanya menunjukkan penegasan untuk jangka masa yang tertentu.

3.4.4 'Atf al-Nasq dengan لَا النَّافِيَّةِ

Menurut 'Abba:s Hasan 'atf al-nasq ialah kata ikutan yang diselangi antaranya dengan kata yang diikuti suatu huruf daripada huruf-huruf yang sepuluh, semuanya adalah dinamakan huruf atf.³

Seperti dalam perbiacaraan yang lain, pengkaji akan hanya memfokuskan kepada huruf 'atf dari kalangan huruf nafi sahaja iaitu لَا nafi yang merupakan huruf 'atf yang menunjukkan penafian hukum tentang ma 'tu:f selepas diitsbatkan ma 'tu:f 'alaihi.

¹ Al-Bala:ghat al-'Arabiya: Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Funu:nuha: Jld. 1 hlm 209

² Surah Al Imran ayat 92

³ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 3 hlm 618

Contoh : يَفُوزُ الشُّجَاعُ لَا الْجَبَانَ

Terjemahan : *Orang-orang yang berani akan menang bukan yang penakut.*

Keterangan : لَا huruf nafi dan 'atf. الْجَبَانَ ma'tu:f kepada الشُّجَاعُ . Hukum yang *thabit* kepada ma'tu:f 'alaih ialah kemenangan orang-orang yang berani. Disini telah dinafikan kemenangan orang-orang yang penakut dengan sebab huruf nafi.

Kata syair :

الْقَلْبُ يُدْرِكُ مَا لَا عَيْنٌ تُدْرِكُهُ ... وَالْحَسَنُ مَا اسْتَحْسَنَتْهُ النَّفْسُ لَا الْبَصَرُ

Terjemahan :

Hati akan mengetahui apa yang tidak boleh dicapai dengan mata. Dan kebaikan ialah apa yang diperelokkan oleh jiwa bukan pandangan.

Keterangan : الْبَصَرُ ma'tu:f kepada النَّفْسُ . Hukum yang *thabit* ke atas ma'tu:f 'alaih ialah kaitan keelokan kepada jiwa dengan menafikan keelokan dari sudut penglihatan orang lain.

Huruf لَا layak menjadi huruf 'atf sekiranya memenuhi lima syarat seperti dinyatakan :

1. Mestilah ma'tu:f itu kata tunggal – bukan ayat – seperti contoh lepas.

Seperti perkataan syair ini :

قَلْ لِبَانَ بِقَوْلِ رُكْنٍ مَمْلُوكَةٍ ... عَلَى الْكُتَائِبِ يُبْنَى الْمَلِكُ، وَلَا الْكُتُبِ

Terjemahan :

Berkatalah untuk memberi penjelasan dengan mengatakan tonggak kekuatan kerajaan dibina di atas pengaturan pasukan tentera, dan bukannya buku-buku.

Keterangan : الْكُتُبِ ma'tu:f kepada الْكُتَائِبِ , ma'tu:f ini kata tunggal bukan ayat dan bolehlah dianggap لَا huruf 'atf. Sekiranya ma'tu:f bukan kata tunggal maka tidak boleh dianggap bahawa لَا adalah huruf 'atf, maka pada ketika itu hendaklah dikatakan huruf لَا adalah huruf nafi

sahaja serta ayat selepasnya difleksikan secara berasingan, bukan *ma'tu:f*. Seperti contoh ini :

تُصَانُ الْمَمَالِكُ بِالْجُيُوشِ وَالْأَعْمَالِ، لَا تُصَانُ بِالْخُطْبِ وَالْأَمَالِ

Terjemahan :

Kerajaan dijaga dengan askar-askar dan kerja-kerja, tidak dijaga dengan khutbah dan cita-cita.

2. Mestilah percakapan sebelum huruf *'atf*, percakapan yang *muthbat* bukannya *manfiy* termasuk uslub perintah dan seru.

3. Janganlah salah satu antara *ma'tu:f* dan *ma'tu:f 'alaihi* menunjukkan ia dari kalangnya serta boleh dikira sebahagian darinya. Tidak boleh dikatakan :

مَدَحْتُ رَجُلًا لَا قَائِدًا

Terjemahan : *Aku memuji seorang lelaki bukan seorang pemimpin.*

Keterangan : Kerana lelaki itu merujuk kepada ramai orang termasuk pemimpin dan orang lain.

Contoh : أَكَلْتُ تُفَّاحَةً لَا فَاكِهَةً

Terjemahan : *Aku makan sebiji epal bukan sebiji buah*

Keterangan : Kerana buah-buahan terkandung dalamnya epal

Tetapi boleh dikatakan : "مَدَحْتُ رَجُلًا لَا فَتَاةً" "أَكَلْتُ تُفَّاحَةً لَا خُبْزًا"

Terjemahan :

"Aku suka sebiji epal tidak sebuku roti" "aku memuji seorang lelaki bukan seorang perempuan"

4. Tidak bergandingan dengan huruf *'atf* yang lain kerana huruf *'atf* tidak mendepani huruf *'atf* yang lain secara langsung. Sekiranya bergandingan maka ia menjadi sebagai huruf nafi.

Contoh : *لَا بَلَّ أَرْبَعَةٌ* ، *لَا بَلَّ أَرْبَعَةٌ* (Minggu-minggu sebulan ada tiga, tidak bahkan empat)

Huruf 'atf disini ialah *بَلَّ* dan di 'atf kan *أَرْبَعَةٌ* dengan *ثَلَاثٌ* , adapun *لَا* bukan lagi huruf 'atf tetapi ia merupakan huruf nafi yang menafikan untuk membatalkan makna sebelumnya.

5. *Ma'tu:f* bukan perkataan yang boleh dijadikan *mauṣu:f*, predikat dan *ḥa:l*. Sekiranya boleh maka huruf *لَا* dikira sebagai huruf nafi bukan 'atf.

Contoh *mauṣu:f* :

هَذَا بَيْتٌ لَا قَدِيمٌ وَلَا جَدِيدٌ (Ini rumah bukan baru dan bukan lama)

Contoh predikat :

الغُلامُ لَا صَبِيٌّ وَلَا شَابٌ (Kanak-kanak itu bukan bayi dan bukan pemuda)

Contoh *ḥa:l* :

عَرَفْتُ الْعَاطِلُ لَا نَافِعًا وَلَا مُنْتَفِعًا (Aku tahu penganggur tidak berguna dan tidak mengambil manfaat)

3.5 BENTUK-BENTUK PENGGUNAAN HURUF NAFI DALAM AYAT

Huruf nafi bukan sahaja digunakan untuk menafikan ayat *ithba:t*, ia juga digunakan dengan pelbagai bentuk dengan tujuan yang pelbagai juga. Kepelbagaian penggunaan huruf nafi dalam ayat sama ada sebagai tambahan, pengulangan, *taqdi:m wa al-ta'khi:r*, dimasukkan suatu huruf lain kepadanya dan sebagainya telah mengubah makna ayat yang sebelumnya yang mungkin difahami secara mendatar sahaja, tetapi sebenarnya ia mempunyai maksud yang lebih mendalam. Keadaan ini mungkin tidak dapat difahami jika tidak dibuat suatu kajian yang mendalam tentang penggunaan huruf nafi dalam bentuk-bentuk yang berbagai-bagai.

3.5.1 *Al-Taqdi:m wa al-ta'khi:r* huruf nafi

Sesetengah ahli *bala:ghat* memasukkan *al-taqdi:m wa al-ta'khi:r* huruf nafi dalam catatan nota kaki mereka. Al-Mayda:niy pula meletakkan persoalan ini hanyalah sebagai catatan tambahan sahaja kerana ia berkaitan dengan binaan ayat dalam percakapan yang memberikan makna namun ia bukan berkaitan dengan ilmu *bala:ghat*.¹

Penggunaan huruf nafi dalam keadaan *al-taqdi:m wa al-ta'khi:r* juga memberikan kesan besar terhadap makna sesuatu ayat dan percakapan. Penggunaan huruf nafi dalam keadaan *al-taqdi:m* dan *al-ta'khi:r* merujuk kepada kaedah "سَلْبُ الْعُمُومِ أَوْ" "سَلْبُ الْعُمُومِ السَّلْبِ" "menafikan yang umum atau mengumumkan penafian". Apabila penafian menguasai keumuman maka tidaklah ia akan menafikan keseluruhan kerana penafian umum pada ketika itu tidak mencakupi kesemuanya. Apabila umum menguasai ke atas penafian maka umum penafian akan menafikan keseluruhannya.

Contoh : لَيْسَ كُلُّ إِنْسَانٍ كَاتِبًا

Terjemahan : *Bukan semua manusia adalah penulis*

Dengan penguasaan penafian ke atas umum maka makna ayat ini bahawa sebahagian sahaja manusia yang menjadi penulis.

Jika kita kata : كُلُّ إِنْسَانٍ لَيْسَ كَاتِبًا (Semua manusia bukanlah penulis)

Dengan penguasaan lafaz yang menunjukkan umum ke atas ayat nafi maka makna ayat ini bahawa tidak seorang pun dari kalangan manusia adalah penulis. Ini adalah fakta yang dusta dan tidak benar.

¹ Al-Bala:ghat al-'Arabiyat : Ususuha: Wa 'Ulu:muha: Wa Fununuha: jld 1 hlm 367

Walaupun makna kedua-kedua ayat tidak berkaitan dengan unsur *bala:ghiat* namun ia tetap merupakan suatu ilmu yang berkaitan dengan ilmu kalam yang dititikberatkan dalam ilmu *manṭiq* dan ilmu *uṣūlul fiqh*.

Menurut Faḍl Ḥassa:n ‘Abba:s menerusi bab *taqdi:m al-musnad ilaihi*, didahulukan *musnad ilaihi* kerana wujud pelbagai tanggapan dan tujuan. Antaranya *tasywi:q*, *takhsī:s*, *ta‘mi:m* dan sebagainya.¹

Salah satu dari tajuk kecil dalam bab ini ialah berkaitan dengan penggunaan huruf nafi yang *ditaqdi:m* dan *dita’khirkan* serta perubahan pada makna. Penggunaan huruf nafi di sini bertujuan menunjukkan pengkhususan *التَّخْصِيسُ*.

Syarat yang akan menjadikan sesuatu ayat itu bertujuan pengkhususan :

1. Predikat mestilah ayat verbal (musnad verbal)

Contoh :

مَا أَنَا فَتَحْتُ الْبَابَ (Bukan aku yang telah membuka pintu)

2. Subjek diletakkan selepas huruf nafi (*musnad ilaihi* selepas huruf nafi)

Contoh 2 :

أَنَا مَا فَتَحْتُ الْبَابَ (Aku tidak membuka pintu)

Dalam contoh 1, penafian buka pintu oleh saya dan dibuka oleh orang lain selain saya.

Para ulama nahu bersepakat dalam contoh 1 ini bahawa ia menunjukkan pengkhususan

إِفَادَةُ التَّخْصِيسِ dengan syarat :

¹ Al-Bala:ghat : Fununuha Wa Afna:nuha: hlm 213

1. *Musnad ilahi* terletak selepas huruf nafi
2. *Musnad ilaihi* mestilah kata kerja

Syarat pertama telah disepakati oleh ahli nahu manakala syarat kedua ialah apa yang dilakukan oleh Al-Syeikh ‘Abd al-Qa:hiri r.h. Sebaliknya Al-Zamakhshariyy dan diikuti oleh kebanyakan ulama nahu telah meluaskan syarat ini,¹ mereka telah meletakkan juga apa-apa perkataan yang memberikan makna *fe‘el* seperti *isim fa‘el*, *isim maf‘u:l* sekiranya *musnad ilahi* didahulukan oleh huruf nafi.

Dalam contoh 2 huruf nafi berada selepas *musnad ilaihi* أنا , tujuan ayat ini adalah untuk menguatkan ketetapan, dan kadangkala menunjukkan pengkhususan dengan bandingan.

Contoh penguatan ayat dan memperlihatkan kebenaran dan kejujurannya :

أَنَا لَا أُضَيِّعُ وَقْتِي (Aku tidak membuang masa aku)

أَنَا لَا أضعُفُ عَنِ الْحَقِّ (aku tidak lemah dari perkara benar)

الْمُسْلِمُ لَا يُسَاوِمُ عَلَى دِينِهِ (Orang muslim tidak berkompromi pada agamanya)

Dalam semua ayat di atas tidak dimaksudkan pengkhususan, dan mungkin juga tidak bermaksud mengiyakan ke atas ketetapan lain tetapi ia menguatkan ketetapan dan menegaskannya.

Kedudukan huruf nafi selepas *musnad ilaihi* telah menjadikan ayat lebih menunjukkan penegasan daripada ayat yang berbunyi :

1. لَأَنَا أُضَيِّعُ وَقْتِي (Bukan aku yang membuang waktuku)

2. لَأَنَا أضعُفُ عَنِ الْحَقِّ (Bukan aku yang lemah dari perkara benar)

3. لَأَلْمُسْلِمُ يُسَاوِمُ عَلَى دِينِهِ (Bukan orang Islam berkompromi pada agamanya)

¹ Al-Bala:ghaf : Fununuha Wa Afina:nuha: hlm 216

Contoh Firman Allah :

﴿ وَالَّذِينَ هُمْ بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴾¹

Terjemahan :

Dan mereka yang beriman tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan tuhan mereka.

Ayat di atas adalah lebih mendalam dan tegas maksudnya kepada pendengar dari ayat

ini : ﴿ وَالَّذِينَ لَا يُشْرِكُونَ بِرَبِّهِمْ ﴾

Firman Allah :

﴿ إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ﴾²

Terjemahan :

Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepadaNya sesuatu pun yang ada di bumi dan juga yang ada dilangit.

Maksud Firman ini bukan sahaja untuk menegaskan ketetapan semata-mata bahkan dari susunan perkataan ia menunjukkan pengkhususan kerana yang tidak mengetahui yang tersembunyi sesuatu itu bukanlah Allah sementara Allah yang esa maha mengetahui sesuatu yang tersembunyi.

3.5.2 *Hamzat istifhamiyat* yang mendahului huruf nafi

Sesuatu percakapan sekiranya didahului dengan *hamzat istifhamiyat* kemudian disertakan *لَا* menjadi *أَلَا*, ia akan menunjukkan dua makna :

1. Ayat tanya dengan makna nafi
2. Ayat yang menimbulkan unsur *bala:hgiy* digunakan untuk menunjukkan celaan

(الرَّجَاءُ)⁴ dan menunjukkan pengharapan (تَوْبِيحِيَّ)³ , sangkalan (إِنْكَارِيَّ)³

¹ Surah al-Mu'minu:n ayat 59

² Surah al-Imran ayat 5

³ Al-Nahw al-'Arabiyy hlm 290

⁴ Al-Muqtaḍab jld 4 hlm 382

Perihal ayat tanya yang menunjukkan pengharapan, para ulama nahu berselisih pendapat tentang subjek yang dinominatifkan.¹ Al-Khali:l , Si:bawayh dan al-Jaramiy serta kebanyakan ahli nahu mengatakan :

أَلَا رَجُلٌ أَفْضَلُ مِنْكَ (Tidak adakah seorang lelaki yang lebih baik dari kamu)

Mereka tidak mengharuskan nominatif أَفْضَلُ. Mereka berhujjah dengan berkata-kata : أَلَا رَجُلٌ أَفْضَلُ مِنْكَ لاَ dinominatifkan أَفْضَلُ kerana لاَ dan رَجُلٌ berada di tempat Subjek dan أَفْضَلُ merupakan predikat. Sekiranya ingin diberikan maksud pengharapan maka أَفْضَلُ diakusatifkan seperti : اللَّهُمَّ غُلَامًا : أَلَا رَجُلٌ أَتَمَنَّى أَفْضَلُ مِنْكَ (Tidak adakah seorang lelaki yang diharapkan lebih baik dari kamu).

3.5.3 Ragam penggunaan (لَا النَّافِيَةِ) dalam ayat

3.5.3.1 Penggunaan لَا النَّافِيَةِ dalam ayat dengan makna "غَيْرٌ" serta mendahuluinya huruf genitif من dan بَاء.²

Contoh :

غَضِبْتُ مِنْ لَأ شَيْءٍ

Terjemahan : Aku marah dari bukan sesuatu (aku marah tidak bersebab)

Contoh :

جِئْتُ بِلَا زَادٍ

Terjemahan : Aku datang tanpa membawa bekalan

Firman Allah :

﴿ انْطَلِقُوا إِلَى ظِلِّ ذِي ثَلَاثِ شُعَبٍ، لَا ظَلِيلٍ وَلَا يُغْنِي مِنَ اللَّهَبِ ﴾³

¹ Al-Uşul Fi al-Nahwi jld 1 hlm 396

² Ibnu Hisyam berkata : Al Kufiyyun berpendapat ia adalah kata nama dan huruf jarr dimasukkan kepadanya secara berasingan. Kata nama selepasnya adalah genitif digenetifkan dengan sebab idhafat. Lihat al-Mughni hlm 270 dan al-Azhiyağ hlm 169

³ Surah al-Mursala:t ayat 30 dan 31

Terjemahan :

Pergilah kamu kepada naungan asap neraka yang bercabang tiga, yang tidak dapat dijadikan naungan dan tidak dapat memberi sebarang perlindungan dari julangan api neraka.

Firman Allah :

﴿ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴾¹

Terjemahan :

Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang-orang yang telah Engkau murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

Semua contoh-contoh di atas telah menunjukkan huruf nafi tambahan adalah bermaksud *غَيْرَ* . Maka huruf *لَا* dalam ayat ini merupakan tambahan dari sudut lafaz kerana ia mencapai fungsi apa yang sebelumnya dan apa yang selepasnya menurut istilah ahli nahu bagi takrifan tambahan bukan tambahan dari sudut makna kerana ia menunjukkan penafian tetapi para ahli nahu menamakannya tambahan². Dalam semua ayat di atas huruf nafi tambahan tidak boleh dibuang dari percakapan kerana jika ia dibuang ia akan menunjukkan percakapan adalah *ithbat* bukan nafi, tetapi dikatakan padanya huruf nafi tambahan sebagaimana tambahan berlaku pada perkataan *الَّتِي* , *الآن* , *اللآت* , *العزى* . Tambahan di sini diistilahkan sebagai "*كَائِنَةٌ*". Ia tidak memberikan kesan. Sesetengah ahli nahu pula berkata tentang tambahan ini ialah kewujudannya dan ketiadaannya adalah sama. Semuanya adalah benar.³

¹ Surah al-Fa:tiḥat ayat 7

² Al-Jana al-Da:niy Fi Huruf al-Ma'a:niy hlm 300

³ Raṣf al-Maba:niy hlm 342

3.5.3.2 Digunakan *لَا النَّافِيَةَ* antara *ada:t al-naṣb* dan *manṣubnya* dan *ada:t al-jazm* dan *majzumnya*.

Contoh huruf *لَا النَّافِيَةَ* antara *ada:t al-naṣb* dan *manṣubnya* :

Firman Allah :

﴿ وَحَسِبُوا أَلَّا تَكُونَ فِئْتَةً ﴾¹

Terjemahan :

Dan mereka juga menyangka tidak akan berlaku bencana

Firman Allah

﴿ وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِئْتَةً ﴾²

Terjemahan :

Dan perangilah mereka sehingga tidak lagi berlaku fitnah

Contoh huruf nafi tambahan antara *ada:t al-jazm* dan *majzumnya* :

Firman Allah :

﴿ إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ ﴾³

Terjemahan :

Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) , maka sesungguhnya Allah telahpun menolong mereka.

3.5.3.3 Digunakan bertujuan menguatkan penafian.

Contoh :

﴿ مَا قَامَ زَيْدٌ وَلَا عَمْرٌ ﴾ (*Tidak berdiri Zaid dan tidak juga Umar*)

3.5.3.4 Ditambahkan kepada predikat "كَادَ" dan diberhentikan bacaan. Pendapat yang *sya:z*, seperti dalam syair :

¹ Surah al-Ma'idat ayat 71

² Surah al-Anfa:l ayat 39

³ Surah al-Taubat ayat 40

تَذَكَّرْتُ لَيْلَى فَأَعْتَرْتَنِي صَبَابَةٌ وَكَادَ ضَمِيرُ الْقَلْبِ لَا يَتَقَطَّعُ¹


Terjemahan :

Aku teringatkan Laila sehingga tersingkap kerinduanku, dan hampir hati nuraniku tidak terputus (dari mengingatnya)

3.6 Penggunaan huruf nafi bukan dengan maksud nafi

Perbincangan uslub لَوْلَا - لَوْمًا - هَلَّا - أَلَّا juga penting untuk disentuh memandangkan ia adalah partikel yang berpadu dua perkataan menjadi satu dan salah satunya adalah huruf nafi. Ia adalah berkaitan dengan kajian ini. Perkara kedua yang tidak kurang penting di sini ialah tentang makna dan fungsi partikel ini yang mesti difahami sebaiknya kerana ia tidak akan menunjukkan apa-apa fungsi jika tidak digunakan pada tempat yang betul.

Ulama nahu menamakannya sebagai partikel gesaan (التَّحْضِيضُ) , celaan (التَّوْبِيخُ) , tawaran (العَرْضُ) dan larangan (الإِمْتِنَاعُ) . Pembahagian partikel ini dapat dilihat dalam gambarajah dibawah seperti yang telah dipermudahkan oleh Hassa:n ‘Abba:s (t.t) .



Gambarajah 6

¹ Al-Jana al-Da:niy Fi Huruf al-Ma'a:niy hlm 121

Gambarajah di atas menunjukkan kelima-lima adat itu digunakan untuk memberikan makna yang sama *التَّحْضِيضُ* و*التَّوْبِيخُ* sementara *أَلَا* hampir tidak digunakan melainkan dengan tawaran *الْعَرَضُ* manakala *لَوْ مَا* , *لَوْ لَا* hampir tidak digunakan melainkan dengan larangan¹ *الْاِمْتِنَاعُ* .

Al-Zamakhshariyy (1993)² menyatakan bahawa huruf *التَّحْضِيضُ* lafaznya ialah *لَوْ مَا - لَوْ مَا - هَلَا - أَلَا* seperti :

1. *لَوْ لَا فَعَلْتَ كَذَا* (*alangkah baiknya kalau dilakukan sahaja perkara itu*)
2. *لَوْ مَا ضَرَبْتَ زَيْدًا* (*sepatutnya kamu pukul Zaid*)
3. *هَلَا مَرَرْتُ بِهِ* (*bukankah elok kalau aku berjalan sahaja dengannya*)
4. *أَلَا قُمْتَ تُرِيدُ اسْتِطَاءً* (*sepatutnya kamu berdiri kerana kamu ingin menjadi perlahan*)

Contoh firman Allah :

﴿ لَوْ لَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ ﴾³

Terjemahan :

Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi

Contoh firman Allah :

﴿ لَوْ مَا تَأْتِينَا بِالْمَلَائِكَةِ إِن كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴾⁴

Terjemahan :

Sepatutnya engkau membawakan malaikat kepada kami (untuk menjadi saksi tentang kerasulanmu), jika betul engkau dari orang-orang yang benar

¹ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 4 hlm 513

² Al-Mufaṣṣol Fi Ṣun'at al-I'ra:b hlm 408

³ Surah al-Muna:fiq:n ayat 10

⁴ Surah al-Hijr ayat 7

Contoh firman Allah :

﴿ فَلَوْلَا إِنْ كُنْتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ * تَرْجِعُونَهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴾¹

Terjemahan :

Maka bukankah elok kalau kamu orang-orang yang tidak di kuasai (dan tidak tunduk kepada kekuasaan Kami). Kamu kembalikan roh itu (kepada keadaan sebelumnya) jika betul kamu orang-orang yang benar?

Semua contoh di atas menggesa untuk dilakukan sesuatu. Lafaz-lafaz ini mendepani kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini/depan. Sekiranya diletakkan selepasnya samada kata nama akusatif ataupun nominatif, ditakdirkan 'amil yang menjadikan kata nama selepasnya samada kata nama akusatif ataupun nominatif.

Contoh akusatif :

كَتَوَّلِكَ لِمَنْ ضَرَبَ قَوْمًا: لَوْلَا زَيْدًا أَي لَوْلَا ضَرَبْتُهُ

Kamu berkata kepada orang yang memukul seseorang :

لَوْلَا ضَرَبْتُهُ : لَوْلَا زَيْدًا

Si:bawayh berkata :

هَلَا تَفْعَلُ خَيْرًا مِنْ ذَلِكَ لَوْلَا خَيْرًا مِنْ ذَلِكَ، وَهَلَا خَيْرًا مِنْ ذَلِكَ

Harus juga nominatif dari sudut makna dengan berkata :

هَلَا كَانَ خَيْرًا مِنْ ذَلِكَ

Al-Sheik Muṣṭafa: Al-Ghala:yiniy menyatakan العَرَضُ ialah meminta dengan lembut dan sopan sebaliknya التَّحْضِيضُ meminta ia dengan kasar, memaksa dan mengganggu.²

Contoh : أَلَا تَزُورُنَا فَنَأْنِسُ بِكَ

¹ Surah al-Wa:qi'at ayat 86-87

² Ja:mi' al-Durus al-'Arabiyyat jld 3 hlm 260

Terjemahan :

Sepatutnya kamu melawat kami supaya boleh kami berasa senang dengan kamu

Ibnu Hisya:m Al-Anṣa:riy sekiranya dimasukkan *hamzat istifha:m* kepada لا ia tidak akan mengubah hukum dan kebiasaannya menunjukkan makna التَّوْبِيحُ¹.

Contoh : أَلَا ارْعَوَاءَ لِمَنْ وَّلَّتْ شَيْبَتُهُ * وَأَذَنْتَ بِمَشْيِبِ بَعْدَهُ هَرَمٌ

Terjemahan :

Tidakkah sepatutnya ia berhenti dari melakukan perbuatan jahat bagi sesiapa yang meninggalkan umur remaja dan bertindak matang kerana mereka selepas ini akan menjadi tua.

Ḥassa:n ‘Abba:s partikel gesaan dan tawaran wajib diikuti dengan kata kerja kala kini/depan samada nyata atau taqdir dengan syarat masanya adalah kala kini/depan.²

Kedua-dua partikel ini kadangkala memerlukan kepada jawab, melihat kepada situasi percakapan, kedatangan jawab adalah harus. Sekiranya ada jawaban maka hendaklah didatangkan dari kata kerja kala kini/depan disambungkan dengan huruf فَأُ سَبَبِيَّةٌ

Firman Allah :

﴿ فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ ﴾³

Terjemahan :

Hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang(yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama ...

Partikel galakan dalam ayat di atas diikuti dengan kata kerja kala lampau tetapi ianya menunjukkan kala kini/depan ... أَيُّ فَلَوْلَا يَنْفِرُ seperti dinyatakan oleh Hassan

¹ Audāhul al-Masa:lik jld 2 hlm 25

² Al-Naḥw al-Wa:fiy jld 4 hlm 514

³ Surah al-Taubaṭ ayat 122

Abbas.¹ Tetapi jika ianya diikuti dengan kata kerja kala lampau serta membawa makna kala lampau ia akan menunjukkan makna celaan "التَّوْبِيخُ" supaya meninggalkannya. Tiada percanggahan antara pendapat Al-Zamakhshariyy dengan ‘Abba:s Hasan tentang kata kerja selepas partikel gesaan dan tawaran.

Al-Zamakhshariyy makna lain bagi lafaz لَوْمَا - لَوْأَ menunjukkan penahanan sesuatu dengan sebab wujud sesuatu yang lain dinamakan "الإمْتِنَاعُ" dengan menggunakan perkataan لَوْمَا - لَوْأَ diikuti keduanya dengan makna pada kala lepas.² Dua keadaan yang menahan padanya sesuatu dengan sebab wujud sesuatu yang lain dikenali dengan keadaan menahan kewujudan .

1. Dimasukkan ke dalam subjek serta wajib di*hadhafkan* predikat.
2. Jawab didahului dengan kata kerja kala lepas lafaz dan makna atau makna sahaja

seperti kata kerja kala kini/depan di dahului dengan "لَمْ". Seperti contoh ini :

لَوْأَ عَلِيٌّ لَهْلَكَ عَمْرٌ

Terjemahan : *Jika tidak kerana Ali nescaya Umar sudah binasa.*

Keterangan : Kebinasaan Umar bergantung kepada kewujudan Ali.

¹ Al-Nahw al-Wa:fiy jld 4 hlm 514

² Al-Mufaṣṣol Fi Ṣun‘at al-I‘ra:b hlm 409

3.7 Kesimpulan

Bahasa Arab ialah bahasa yang kaya dengan perbendaharaan kata. Untuk membentuk ayat penafian, terdapat pelbagai huruf nafi dengan fungsi dan makna yang berbeza-beza. Apa yang paling penting dalam membentuk ayat penafian, unsur sintaksis bahasa Arab perlulah dipertimbangkan dan dinilai terlebih dahulu sebelum membentuk sesuatu jenis ayat.

Uslub yang baik lahir dari struktur ayat yang baik. Menerusi bab ini penulis telah menjelaskan penggunaan sesuatu huruf nafi dengan melihat kepada *al-manfiyyat* serta makna yang ingin disampaikan. Perubahan fleksi dan kasus *al-manfiyyat* bergantung kepada huruf nafi yang digunakan samaada dengan kefungsiannya ataupun tidak.

Perkaitan antara unsur sintaksis dengan unsur kesenian bahasa tidak dapat dipisahkan. Ayat yang dibina dengan struktur sintaksis yang betul dan tepat akan lebih menyerlahkan kesenian dan keindahan bahasa. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui keterangan-keterangan dan perbincangan-perbincangan yang telah dinyatakan.

Perlu juga diketahui bahawa tidak semua huruf nafi memberikan maksud nafi. Keadaan ini berlaku jika terdapat perubahan pada huruf nafi dan uslub yang digunakan. Diharapkan daripada semua pembaca semoga dengan keterangan dan penjelasan dalam bab ini dapat memberikan manfa'at yang amat berguna dalam memahami struktur bahasa Arab untuk tujuan memahami isi kandungan al-Quran.